

# Mahathir ingatkan jangan emosional

UM 23 MAI 1981

TANAH MERAH 22 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya mematuhi peraturan parti dan jangan terlalu emosional dalam menghadapi pemilihan puak pimpinan pada 26 Jun ini.

Timbalan Presiden UMNO itu berpesan, ahli-ahli UMNO hendaklah mengelakkan mengeluarkan pendapat-pendapat yang boleh melemahkan parti dalam berkempen untuk memenangkan calon masing-masing.

"Kita harus ingat bahawa yang penting ialah parti kita pasti kukuh dan kuat, dan janganlah dalam keghairahan berkempen ia mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh melemahkan parti."

"Kadang-kala ada kata-kata kita sewaktu berkempen mungkin akan digunakan oleh parti lawan apabila kita mengadakan pilihanraya peringkat negeri dan nasional kelak," tegasnya.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Tanah Merah di Dewan Majlis Daerah di sini, Timbalan Perdana Menteri itu juga mengingatkan, ahli-ahli UMNO supaya merapatkan barisan perpaduan negara selepas pemilihan kelak.

"Setelah pemimpin dipilih kita harus merapatkan barisan semula kerana pemilihan pemimpin itu bukan untuk pemimpin itu sendiri, tetapi untuk kebaikan kita semua.

Oleh:  
**HAMZAH SIDEK**

"Sebab itu kita harus faham, tentang cara-cara demokrasi berjalan kalau tidak sudah tentu kita akan dimusnahkan oleh amalan demokrasi itu sendiri," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan, bahawa ahli-ahli UMNO harus sedar betapa pentingnya kekuatan parti dipelihara sebagai tulang belakang Barisan Nasional, kalau mahu terus memegang tampuk pemerintahan negara.

Katanya, jika lain-lain parti komponen sama kuat dengan UMNO sudah tentulah akan berlaku perebutan jawatan yang akhirnya akan menghancurkan Kerajaan Barisan Nasional.

"Kerajaan Malaysia dapat berjalan dengan kukuh hari ini kerana UMNO mendapat sokongan yang terbesar daripada rakyat. Jika UMNO mahu menjaga keutuhan Barisan Nasional maka UMNO sendiri mestilah kukuh dan kuat," tambahnya.

Oleh itu, bagi menghadapi pemilihan pada 26 Jun ini, beliau berharap tidak ada ahli-ahli

UMNO yang melatah dan sebaliknya hendaklah sentiasa mematuhi tertib dan peraturan parti demi mengekalkan kekuatan UMNO.

Tegasnya, selagi UMNO mematuhi peraturan itu selama itulah Barisan Nasional dan amalan demokrasi akan dapat dikekalkan untuk kesejahteraan rakyat negara ini.

Dalam memelihara sistem demokrasi, tabahnya, ahli-ahli UMNO hendaklah ingat bahawa yang penting bukanlah sistem itu sahaja tetapi bagaimana cara mengamalkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu menyebut bahawa ada puak yang mahu menggagalkan sistem Islam, tetapi tidak mengikut cara Islam dalam perjuangannya.

Katanya, amalan puak itu memulaukan orang lain yang tidak mahu mengikut kehendak mereka adalah sama seperti amalan kaum jahiliah yang menentang Islam dulu.

"Kalau kita kaji sejarah Islam kita akan tahu bahawa yang pertama mengamalkan cara boikot ini ialah kaum

jahiliah seperti Abu Lahap dan Abu Jahal yang memboikot Nabi Muhammad dan orang-

orang yang mula-mula menganut agama Islam. "Kalau hari ini masih ada orang menggunakan cara itu maka mustahillah mereka memperjuangkan Islam kerana itu adalah cara jahiliah," ujarnya.

Menurutnya, apa yang mereka lakukan adalah untuk memusnahkan Islam pada awal-awal lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, bahawa beliau menyebut tentang puak itu untuk menjelaskan betapa perlunya ahli-ahli UMNO memahami amalan demokrasi yang dianuti.

Turut hadir di majlis perasmian itu ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Naib Presiden UMNO yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, dan Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Mohammad Yaakob selaku Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah.

Datuk Sri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh dan Datuk Mohammad Yaakob telah tiba dari Lapanganterbang Pengkalan Chepa Kota Bharu dengan helikopter di

padang Sekolah Menengah Tanah Merah.

Rombongannya kemudian menuju ke Dewan Majlis Daerah yang berhampiran dan didahului oleh 400 buah motosikal yang dipandu oleh ahli-ahli Pemuda UMNO Tanah Merah.

Kemudian mereka telah disambut oleh 3 orang pembawa bendera Malaysia, negeri dan jajahan serta pembawa junjung sirih tujuh tal, pulut semangat 150 tal, dan 35 orang pembawa bendera UMNO yang berpakaian hulubalang Melayu.